

17/07/2002

BN nafi keluar risalah burukkan pemimpin

PENDANG, Selasa - Calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Pendang, Datuk Othman Abdul menafikan dakwaan Pas bahawa risalah memburukkan pemimpin Umno dilakukan jentera pilihan raya BN.

Othman berkata, jentera BN tidak pernah menggunakan taktik kotor seperti pembangkang untuk mencapai kejayaan dalam pilihan raya.

Sebaliknya, katanya, Pas menggunakan taktik itu dan cuba berselindung dengan menuduh ia dilakukan jentera BN.

"Umno dan BN tak ada taktik kotor macam itu. Dalam setiap pilihan raya, Pas akan sebarkan risalah. Di Lunas dulu pun, dia sebar risalah kata calon BN, S Anthonysamy paderi besar.

"Kita tak ada taktik kotor macam itu. Ini taktik lama yang tak akan bawa kesan. Ini membuatkan orang bertambah benci kepada Pas.

"Kita kempen secara bermoral. Kita tak tuduh orang tidak bermoral macam Pas sebarkan risalah kata Ketua Puteri Umno, Azalina (Othman) pakai salib. Kita dah jangka dia akan tuduh Umno," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian, ketika ditemui selepas majlis pecah tanah Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Pendang di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, Othman meminta pengundi Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit tidak terpedaya dengan penyebaran risalah yang bertujuan menjejaskan imej pemimpin BN.

Pemimpin Pas dalam ceramah mereka menuduh risalah itu dicipta jentera Umno dan disebarkan dengan tujuan orang ramai menuduh Pas yang bertanggungjawab.

Antara risalah yang diedarkan menjelang hari mengundi Khamis ini ialah gambar Perdana Menteri yang dituduh sebagai paderi besar gereja berikutan pertemuan beliau dengan John Pope II di Vatican City baru-baru ini.

Gambar Dr Mahathir pada risalah itu ditulis sebagai 'Mahathir Paderi Besar Gereja' dan tajuk kecil 'Rahsia besar di sebalik mengadap Pope di Rom dan cuti di Itali'.

Satu lagi risalah menyatakan 'Mahathir nyanyuk Pak Lah merapu' dan tajuk kecil 'Sorang nak jadi tuhan, yang satu lagi bercita-cita diangkat jadi Nabi...Haprak!'

Selain itu, ada juga risalah gambar Abdullah yang ditulis sebagai 'Penjual babi tak layak jadi PM - Mahathir silap pilih penggantinya.'

Azalina turut menjadi mangsa penyebaran risalah berkenaan apabila beliau digambarkan memakai salib.